

17/11/1997

Pas didakwa tidak ikhlas

Nasir Hassan

BACHOK, Ahad - Pas didakwa tidak ikhlas dalam melaksanakan dasar pentadbiran Islam di negeri ini menyebabkan parti itu gagal melaksanakan hukum hudud.

Bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh Hamzah, berkata jika Pas ikhlas dalam menegakkan perjuangan Islam, mereka boleh melaksanakan undang-undang Islam di negeri ini.

Ini kerana, katanya, mereka mempunyai majoriti dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) serta mempunyai kuasa penuh untuk menggubal undang-undang berkaitan dengannya.

"Jika mereka benar-benar ingin melaksanakan hukum Islam di negeri ini, mereka boleh berbuat demikian kerana mempunyai mandat penuh, terutama selepas pilihan raya umum 1990," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Gua Musang berkata demikian ketika berucap di majlis Perpaduan Melayu, anjuran Umno bahagian Bachok, di sini, malam tadi.

Hadir sama Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Annuar Musa, yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar; Ketua Penerangan BN Negeri, Datuk Mohd Rozali Isohak dan Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor.

Malah, Razaleigh mendakwa ketika Parti Melayu Semangat S46 (S46) bersama dengan kerajaan Pas dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU), beliau meminta rakan-rakannya supaya menyokong setiap langkah yang dijalankan oleh kerajaan negeri berkaitan dengan Islam.

Menurutnya, kesediaan Pas untuk melaksanakan hukum hudud sebenarnya adalah hasil kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mencabar mereka untuk berbuat demikian.

"Ini bermakna kenyataan Pas untuk melaksanakan hukum hudud dibuat secara tidak jujur kerana mempunyai niat lain," katanya.

Beliau mendakwa apa yang dilakukan kerajaan negeri di bawah pentadbiran Pas mengenai Islam, termasuk mengasingkan kaunter bayaran di pasar raya dan memasang lampu di pawagam adalah perkara kecil.

Beliau yakin rakyat negeri ini sudah tidak menaruh kepercayaan kepada parti itu lagi berdasarkan perbezaan keputusan pilihan raya pada 1990 dan 1995.

(END)